

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]

TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah tindakan susulan lebih konkrit dan mampan yang dilakukan oleh Kementerian bagi membantu para petani terutama para pengusaha tanaman secara kecil-kecilan yang terjejas dari pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengambil berat impak yang dialami oleh para petani terutama para pengusaha tanaman secara kecil-kecilan yang terjejas dari pandemik COVID-19.
2. Sebagai tindakan susulan dan bagi memastikan aktiviti para petani dapat diteruskan walaupun terkesan dengan COVID-19, MAFI melalui Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE), Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) telah merangka 36 inisiatif di bawah Dana Jaminan Makanan berjumlah RM1 bilion. Inisiatif-inisiatif tersebut dilaksanakan bagi merencanakan semula aktiviti pertanian dan pengeluaran makanan serta mendatangkan pendapatan kepada para pengusaha.

SOALAN NO : 43

3. Di bawah PRIHATIN, MAFI diperuntukkan sebanyak RM190 juta bagi pelaksanaan program jaminan bekalan makanan melalui pemberian insentif input, peningkatan mobilisasi dan logistik bahan makanan serta pemantapan pembekalan stok makanan. Selain itu, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Pertubuhan Nelayan Kawasan (PNK) juga telah diperuntukkan dana khas untuk menggalakkan penglibatan dan aktiviti ahli peladang dan nelayan dalam industri pertanian dan makanan.
4. Di bawah PENJANA, MAFI telah diperuntukkan sebanyak RM350 juta untuk Skim Pembiayaan Mikro Kredit yang menawarkan bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman dengan kadar faedah 3.5% bagi membantu meringankan beban pengusaha yang terkesan akibat COVID-19.
5. Selain itu, MAFI juga membantu para petani dan pengusaha meningkatkan ruang pemasaran melalui platform e-dagang seperti Agrobazaar Online dan NekmatBiz serta kerjasama strategik dengan syarikat swasta seperti Lazada, Shopee dan AirAsia.
6. Keseluruhan program / projek yang disenaraikan di bawah pakej-pakej PRE, PRIHATIN dan PENJANA sedang dilaksanakan melalui pelbagai jabatan / agensi di bawah MAFI.
7. Kementerian berharap agar inisiatif termasuk program dan projek serta bantuan khas ini dapat membantu meringankan bebanan kumpulan sasaran yang terkesan akibat COVID-19 malahan dapat membantu keseluruhan sektor ekonomi termasuk pengusaha agromakanan untuk kembali pulih dan meneruskan kelangsungan perusahaan masing-masing bagi merancakkan semula aktiviti pertanian dan melonjakkan sektor agromakanan negara serta memastikan sekuriti makanan terus terjamin sepanjang tempoh pemulihan ekonomi.

Sekian, terima kasih.